

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah proses pendidikan serta latihan yang memberi fokus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan termasuk pembangunan profesional.

Selaras dengan Dasar TVET Negara 2023, Management and Science University (MSU) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan bermatlamat memperkasakan bidang TVET dan penyelidikan.

Kerjasama pintar awam-swasta ini khususnya antara institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dan awam (IPTA) menyediakan platfrom dan rangka-

MSU, UTHM jalin MoU fokus TVET



DR Mohd Shukri (dua dari kanan) dan Dr Ruzairi (dua dari kiri) sebaik menandatangani MoU yang turut disaksikan Dr Abdul Jalil (kanan) dan Naim.

kerja memperkasakan perkongsian rentas disiplin antara MSU serta UTHM.

Ia membabitkan bidang akademik, penyelidikan saintifik dan inovasi

serta kerjasama industri-akademik membabitkan pertukaran maklumat,

latihan pakar, bakat dan pelajar yang bakal memberi manfaat kepada kedua-dua

institusi.

MoU ditandatangani Presiden MSU, Profesor Tan Sri Datuk Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid dan Naib Canselor UTHM Professor Datuk Ir Ts Dr Ruzairi Abdul Rahim disaksikan Naib Presiden Kanan Hubungan Industri dan Keusahawanan MSU Professor Dr Abdul Jalil Ghazali, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM Naim Maslan.

Turut hadir Naib Presiden Kanan Komunikasi dan Endowmen MSU Datuk Rosli Yusof, Pengarah Malaysian Research Institute for Vocational, Education and Training (MyRIVET) UTHM Professor Dr Jailani Md Yunus serta pengurusan kanan kedua-dua institusi.